

SERANTA AWAM ATAS TALIAN BIL 4/2023

CADANGAN PINDAAN
PERATURAN-PERATURAN MAKANAN (PPM) 1985

1. Pindaan Peraturan 18B Pelabelan makanan bagi memasukkan syarat pengisytiharan kolesterol

Peraturan 18B. Pelabelan pemakanan

(5) Jika suatu akuan dibuat tentang jumlah atau jenis asid lemak atau kolesterol, amaun asid lemak tepu, monotidaktepu, politidaktepu, dan asid lemak trans dan kolesterol hendaklah diisytiharkan dalam bentuk yang berikut, mengikut mana-mana yang berkenaan:

Lemak g
yang terdiri daripada	
asid lemak monotidaktepu	... g
asid lemak politidaktepu	... g
asid lemak tepu	... g
asid lemak trans	... g
<u>Kolesterol</u> mg

2. Cadangan peraturan baharu bagi penetapan nilai maksimum asid lemak trans dalam makanan

[BAHARU] Peraturan 38B. Asid lemak trans

Kecuali sebagaimana diperuntukkan selainnya dalam Peraturan-Peraturan ini, tiada seorang pun boleh mengimport, menyediakan atau mengiklankan untuk jualan atau menjual apa-apa makanan yang mengandungi asid lemak trans lebih daripada 2g/100g lemak selain daripada asid lemak trans yang berasal daripada binatang.

3. Pindaan Daftar I dan Daftar II Jadual Kelima Belas A bagi residu drug colistin

JADUAL KELIMA BELAS A (Peraturan 40)			
RESIDU DRUG			
DAFTAR I			
KADAR MAKSIMUM YANG DIBENARKAN BAGI RESIDU DRUG DALAM MAKANAN			
<i>Bahan</i>	<i>(1) Drug Definisi residu di mana MRL ditetapkan</i>	<i>(2) Makanan</i>	<i>(3) Kadar Maksimum Residu (MRL) dalam makanan (µg/kg)</i>
Colistin	Colistin	Susu (lembu)	50
		Otot, hati, lemak (lembu, ayam, khinzir, anab dan biri-biri)	150
		Buah pinggang (lembu, ayam, khinzir, anab dan biri-biri)	200
		Telur (ayam)	300
DAFTAR II DRUG YANG TIDAK DIBENARKAN			
Drug yang berikut adalah tidak dibenarkan dalam makanan:			
<u>Colistin</u>			